

Mekanisme baharu nilai prestasi sektor awam

Program MyGPI dijajar dengan objektif penilaian peringkat global

Kuala Lumpur: Ekspektasi rakyat mengenai penyampaian perkhidmatan kerajaan secara umumnya, semakin meningkat selari dengan peringkatan taraf hidup dan tahap pendidikan.

Menurut Laporan Global Web Index (GWI) Digital 2021, bilangan pengguna internet di Malaysia telah beriarahah kepada 27.43 juta orang pada 2021 berbanding 26.88 juta orang pada 2020, iaitu peningkatan sebanyak 2.8 peratus.

Peningkatan itu jelas menunjukkan bahawa tahap literasi teknologi komunikasi maklumat (ICT) rakyat secara langsung memberikan kesan terhadap ekspektasi rakyat.

Sehubungan itu, kerajaan sentiasa peka dan memberikan perhatian terhadap prestasi agensi sektor awam supaya memenuhi piawaian piagam pelanggaran yang ditetapkan.

Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri yang diterajui oleh Datuk Seri Dr Yusof Ismail adalah satu agensi pusat yang dipertanggungjawab untuk mewujudkan mekanisme mengukur dan menilai prestasi pencapaian agensi sektor awam.

Oleh yang demikian, MAMPU telah memperkenalkan program 'Penarafan Bintang' atau *Star-Rating* mulai 2008 dengan pembaruan agensi peringkat Kerajan Persekutuan dan kerajaan negeri. Hasil penarafan ini juga dijadikan sebagai satu kriteria penilaian prestasi ketua jabatan.

Pada 2015, program penarafan ini telah dijemakakan semula sebagai "Indeks Penarafan Bintang (Indeks SSR)" dengan memberikan fokus empat aspek iaitu: pematuhan (pengurusan sumber manusia, kewangan dan ICT),

kualiti (Pelan Strategik dan Pengurusan Risiko); Transformasi (penilaian projek berdasarkan ciri-ciri transformasi) dan Inovasi (penilaian projek berdasarkan ciri-ciri inovasi).

Penerapan agensi diliktiraf berdasarkan penarafan bermula dengan satu bintang (terendah) hingga lima bintang (tertinggi).

Walau bagaimanapun, selaras dengan hal tuju dan ekspektasi pemegang taruh semusa, pada akhir 2019 MAMPU sekali lagi telah memperkenalkan program baharu, saiz Malaysian Government Performance Index (MyGPI) bagi menggantikan Indeks SSR.

Program MyGPI ini dijajar dengan objektif penilaian peringkat global seperti *Sustainable Development Goals, Global Competitiveness Index, E-Government Development Index* dan *Ease of Doing Business*.

Pada peringkat nasional, MyGPI juga mengambil kira *Malaysia Digital Economy Blueprint (MyDIGITAL)*, Dasar 4IR Negara dan Pelan Strategik Pendigitalan



Petunjuk: APJU- Agenzia Pusat dan Jabatan Utama / PSUK- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri / ABH- Agenzia Bursa dan Hadapan / PBT- Pihak Berkwasa Tempatan



Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Seri Dr Yusof Ismail.



Kerjaan sentiasa memasukkan prestasi agensi sektor awam memenuhi piawaian piagam pelanggaran yang ditetapkan.

Sektor Awam 2021-2025.

MyGPI ini menilai prestasi agensi dalam dua aspek utama, iaitu pengurusan organisasi (pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pengurusan integriti dan keselamatan) dan pendigitalan perkhidmatan (perkhidmatan dalam talian atau end-to-end (E2E), perkongsian data, pengurusan rekod secara elektronik, analitis data serta kestabilan siber).

Kedua-dua aspek ini akan diatur (mediate) oleh aspek tadbir urus (membaikkan kepimpinan, Integriti, ketelusan, inklusif, pematuhan dan responsif).

Program MyGPI ini dapat dijemakkan melalui kerangka MyGPI seperti yang tertera dalam gambar rajah (sila rujuk).

• Kerangka MyGPI

Seperti program yang sebelumnya, penilaian MyGPI ini menyasarkan agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dengan perancangan penilaian rintis pada 2021 yang bertujuan menilai kesahihan dan kebolehpercayaan kriteria penilaian MyGPI.

Program MyGPI ini dijangka dilaksanakan sepenuhnya mulai 2022. Program MyGPI ini diharapkan terus relevan sebagai mekanisme menilai prestasi sektor awam yang cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan dan memenuhi ekspektasi rakyat.

Di samping itu, MyGPI ini juga berimpitan dengan inisiatif ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali agar semua agensi kerajaan menerapkan prinsip *F.A.S.T.E.R*; iaitu *flat, agile, streamlined, tech-enabled, efficient and resilient*.